



IBU PEJABAT
JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA
NEGERI PULAU PINANG
Jalan Batu Kawan,
14100 Simpang Ampat,
Pulau Pinang.

604-5047222
<http://www.bomba.gov.my>
bkk_png@bomba.gov.my



Ketua Zon 1 - Jalan Perak
Ketua Zon 2 - Bayan Lepas
Ketua Zon 3 - Perai
Ketua Zon 4 - Butterworth

Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : JBPM/PP/BKK:700-4/3 Jld.2 (35)
Tarikh : 07 NOVEMBER 2024

Tuan,

ARAHAN UNTUK MELAKSANAKAN TASK FORCE BAGI MENCAPAI SASARAN TAHUNAN MENGHAPUSKAN BAHAYA KEBAKARAN (MBK) SEBANYAK 600 PREMIS

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Untuk makluman, pencapaian semasa sasaran tahunan MBK Pulau Pinang mencapai sebanyak 424 premis setakat ini. Bagi memenuhi sasaran tahunan yang ditetapkan iaitu sebanyak 600 premis, berbaki lebih kurang 176 premis yang masih diperlukan bagi mencapai sasaran MBK 2024.
3. Sehubungan itu, setiap zon perlu menjalankan **Task Force** dengan kadar segera bagi memastikan sasaran ini tercapai sebelum **30 November 2024**. Oleh itu, adalah menjadi tanggungjawab zon masing-masing untuk mengatur strategi pelaksanaan operasi MBK di premis-premis di bawah seliaan masing-masing.
4. Bagi mempercepatkan proses ini, setiap Zon dikehendaki menyenaraikan 40 premis yang belum diperiksa di kawasan zon dan jagaan masing-masing serta perancangan tahunan dari **Januari 2024 sehingga November 2024** untuk tindakan segera. Senarai premis dan perancangan zon ini hendaklah dikemaskini dan dilaporkan setiap minggu kepada Ibu Pejabat bagi pemantauan. Sasaran setiap minggu adalah seperti di **lampiran A**. Sebarang pertanyaan boleh menghubungi **PPgB Mohd Hasni bin Sabran** di talian **0192847348** dan **PPgB Mohamad Zaidi bin Rosalain 0173706314**.
5. Kerjasama dan komitmen daripada pihak tuan amatlah dihargai bagi memastikan sasaran MBK di capai, sekaligus meningkatkan tahap keselamatan kebakaran di Pulau Pinang. Saya percaya dengan semangat dan dedikasi yang tinggi, sasaran ini mampu dicapai dalam tempoh yang ditetapkan.

‘CEPAT DAN MESRA’



SIRIM



ACBQMS01



SIRIM



ACBABBMS01



AIGA
Anugerah GANUSA
AIGA 2023


CERTIFIED TO ISO 9001:2015 & CERTIFIED TO ISO 37001:2016

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(PgKB I YUSRI BIN MOHD YUSOFF @ HASHIM)

Penolong Pengarah
Bahagian Keselamatan Kebakaran
Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia
Negeri Pulau Pinang.

LAMPIRAN

BULAN/MINGGU	BKK HQ	ZON 1	ZON 2	ZON 3	ZON 4
NOV MINGGU KE 2	13	13	13	13	13
NOV MINGGU KE 3	13	13	13	13	13
NOV MINGGU KE 4	14	14	14	14	14
JUMLAH	40	40	40	40	40